

## **Cabaran Pelaksanaan Didik Hibur oleh Guru bagi Pengajaran Simpulan Bahasa dalam kalangan Murid Sekolah Rendah**

## **Challenges in the Implementation of Fun Learning by Teachers for Teaching Idioms among Primary School Students**

Norhafidah Hanapiah

Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Sin, 35900 Tanjung Malim, Perak Malaysia

Nur Farahkhanna Mohd Rusli\*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 UPSI Tanjung Malim, Perak Malaysia

Submitted: 16/4/2023. Revised edition: 21/6/2022. Accepted: 13/11/2023. Published online: 4/12/2023

### **ABSTRACT**

This paper aims to explain the challenges of the implementation of fun learning emphasizes by teachers for teaching idioms among primary school students. This qualitative study involves a Malay subject teacher in a primary school in Kuala Selangor. Data was obtained through interview methods. The results of the study show that there are four aspects that are a challenge in the implementation of fun education in the classroom, namely professional training, time, teaching aids and students. In terms of implications, this study emphasizes that didik hibur is an approach that is suitable for teaching about idiom topics because it is fun and can actively involve students in the activities carried out in the classroom, but the approach also has challenges that need to be addressed for enabling fun educational activities to be implemented holistically in all teaching situations.

*Keywords:* Challenges, fun learning emphasizes, teachers, idioms, students

### **ABSTRAK**

Makalah ini bertujuan menjelaskan cabaran pelaksanaan didik hibur oleh guru bagi pengajaran simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian berbentuk kualitatif ini melibatkan seorang guru mata pelajaran bahasa Melayu di sebuah sekolah rendah di Kuala Selangor. Data diperoleh melalui kaedah temu bual. Hasil kajian menunjukkan terdapat empat aspek yang menjadi cabaran pelaksanaan didik hibur di bilik darjah iaitu latihan profesional, masa, bahan bantu mengajar dan murid. Dari segi implikasi, kajian ini memberikan penekanan bahawa didik hibur merupakan pendekatan yang sesuai digunakan untuk menyampaikan pengajaran tentang topik simpulan bahasa. Hal ini yang demikian kerana pendekatan tersebut menyeronokkan dan dapat melibatkan murid secara aktif terhadap aktiviti yang dilaksanakan di bilik darjah. Namun, pendekatan tersebut juga mempunyai cabaran yang perlu ditangani bagi membolehkan aktiviti didik hibur dapat dilaksanakan secara holistik dalam semua situasi pengajaran.

*Kata kunci:* cabaran; didik hibur; guru; simpulan bahasa; murid

---

\*Correspondence to: Nur Farahkhanna Mohd Rusli (email: farahkhanna@fbk.upsi.edu.my)

## 1.0 PENGENALAN

Malaysia amat menitikberatkan pendidikan terhadap warganegaranya kerana pendidikan mampu merealisasikan hasrat negara agar terus kekal sebagai sebuah negara yang berprestasi hebat dari aspek ekonomi, sosial, dan kerohanian. Selain itu, pendidikan akan melahirkan warganegara yang sentiasa bersatu padu, demokratik dan dinamik. Tiga aspek yang disenaraikan ini menjadi akar dan kekuatan terhadap pembentukan sistem pendidikan yang bermutu dan diiktiraf diseluruh dunia.

Kejayaan sistem pendidikan negara tidak hanya terletak kepada usaha kerajaan Malaysia melalui program-program pendidikan tetapi turut melibatkan usaha seorang insan bergelar guru. Guru mempunyai keupayaan untuk mendidik, mengajar dan membimbing kanak-kanak di sekolah rendah hingga di peringkat sekolah menengah. Guru juga bertanggungjawab melahirkan individu yang berilmu, berpengetahuan, berakhhlak mulia serta memberi manfaat terhadap keluarga, agama, bangsa dan negara. Demi mewujudkan pelbagai manfaat yang dikehendaki daripada diri seorang insan, seorang guru seharusnya mantap dari segi pemilikan ilmu pengetahuan dan pedagogi perguruan. Penguasaan pengetahuan kandungan adalah wajah kepada cara seorang guru menyampaikan isi kandungan pelajaran melalui cara dan keadaan yang mudah difahami oleh pelajar (Muhamad Hafizan Mohd Suhairi dan Anuar Ahmad, 2017).

Pendidikan negara Malaysia mengalami perubahan demi perubahan hasil proses semakan kurikulum oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Semakan kurikulum pendidikan negara Malaysia telah melahirkan pembentukan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan bermula tahun 2011 di sekolah rendah manakala, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pula diguna pakai secara berperingkat bermula pada tahun 2014. Kedua-dua semakan kurikulum ini termaktub di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013-2025. Melalui pelan pendidikan ini, para guru diseru dan digalakkan mencuba pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik untuk memantapkan penyampaian ilmu pengetahuan.

Kepelbagaiannya pemilihan pendekatan ketika seorang guru mengajar di bilik darjah akan menghasilkan impak yang baik buat semua anak murid yang hadir, mendengar dan melakukan aktiviti yang diarahkan di bilik darjah. Sebagai seorang guru yang telah menerima latihan perguruan dan dibekalkan dengan pelbagai panduan mengajar secara teori maupun praktikal, pelbagai pendekatan pengajaran yang menarik, kreatif dan bermotivasi boleh diaplikasikan untuk memahirkkan murid-murid berbahasa sama ada lisan maupun tulisan. Antara pendekatan tersebut yang kini ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya buat mata pelajaran Bahasa Melayu ialah pendekatan didik hibur.

Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) menjelaskan bahawa pendekatan didik hibur sebagai pendekatan pengajaran yang mengaplikasikan aktiviti nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi. Aktiviti ini dapat membangkitkan motivasi murid untuk fokus kepada pengajaran guru dan mewujudkan ruang keseronokan belajar. Pelaksanaan pendekatan didik hibur membolehkan hubungan dua hala antara guru dengan murid berlaku seperti melalui sesi soal jawab yang akan merangsang minda murid untuk memahami isi pelajaran.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, topik simpulan bahasa merupakan antara isi pengajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Asiah Ismail, Anida Sarudin, Zulkifli Osman dan Husna Faredza Mohamed Redzwani (2021) menyatakan bahawa simpulan bahasa sebagai medium berbahasa yang santun dan digunakan untuk menjaga perasaan orang lain. Selain itu, simpulan bahasa turut diajar kepada murid sekolah rendah seperti yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Sejajar dengan itu, maka

kajian ini dilakukan untuk berkongsi pengetahuan kepada khalayak berkaitan simpulan bahasa oleh murid dengan berfokus kepada cabaran pengajaran ilmu tersebut khususnya dalam kalangan guru-guru bahasa Melayu.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Negara maju diseluruh dunia kini memulakan kemajuan dan pembangunan jaya negaranya dengan berasaskan pemilikan ilmu pengetahuan dalam kalangan rakyatnya. Sejak dengan peredaran masa yang berlaku, abad ke-21 menyaksikan dunia mengalami perubahan dalam bidang pendidikan. Perubahan tersebut dapat disaksikan melalui pelbagai aspek seperti sesi pengajaran dan pembelajaran dua hala antara guru dengan murid dengan kepelbagaian pendekatan, strategi, kaedah dan teknik sama ada di dalam mahu pun di luar bilik darjah. Tidak ketinggalan juga, penggunaan peralatan sokongan mengajar dan belajar serba moden yang telah mendominasi bidang pendidikan. Antara peralatan sokongan pengajaran dan pembelajaran tersebut adalah penggunaan komputer, papan putih pintar (*smart board*), cakera penyimpanan data, pelbagai jenis perisian untuk menghasilkan kuiz, soalan ujian dan sebagainya. Semua ini berupaya memacu taraf pendidikan menjadi lebih baik dan sempurna.

Kemajuan teknologi pada abad kini secara langsung menyebabkan pengajaran secara konvensional di bilik darjah diakui kurang sesuai untuk diperaktikkan oleh para guru ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan (Mohd Rosmadi Mohd Salleh dan Hafizhah Zulkifli, 2020). Tambahan pula, pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru dan murid hanya menerima maklumat secara pasif telah menambah kerumitan untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran kerana tahap penguasaan setiap murid adalah berbeza-beza. Oleh yang demikian, betapa pentingnya penggunaan kaedah yang berkesan dan kreatif terhadap kandungan pengajaran agar seiring dengan perkembangan semasa (Khor Huan Chin dan Noraini Mohamed Noh, 2016).

Seterusnya, pendekatan pengajaran guru yang tidak mampu menarik perhatian murid telah mengakibatkan murid tertekan dan tiada fokus ketika guru mengajar di bilik darjah. Keadaan ini menghasilkan murid yang bermasalah dari segi disiplin seperti mengganggu rakan sekelas belajar, tidak menghantar tugas diberi guru atau ponteng kelas kerana sesi pengajaran yang tidak menarik minat murid untuk belajar (Alis Puteh, 2016). Seharusnya, guru perlu melibatkan semua murid secara langsung dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menjadi fasilitator yang boleh memberikan arahan dengan jelas dan memberikan teguran jika murid melakukan kesalahan. Jika aktiviti pengajaran itu sendiri tidak kreatif, maka risiko murid hilang minat untuk mempelajari bahasa Melayu adalah lebih tinggi.

Selain itu, terdapat guru bahasa Melayu yang lebih gemar mengajar dengan menggunakan buku teks, nota-nota tambahan dan menulis dipapan putih sahaja ketika proses pengajaran dilaksanakan (Rozita Radhiah Said, Abdul Rasid Jamian dan Azhar Md. Sabil, 2016). Hal ini menjadikan pendekatan pengajaran guru masih ditahap lama, iaitu menggunakan bahan bantu mengajar sedia ada yang minimum, iaitu buku teks serta papan putih. Situasi sebegini tidak banyak membantu motivasi murid untuk fokus kepada isi pelajaran dan seterusnya menguasai isi pelajaran yang diajar. Malah, kaedah konvensional yang hanya berpaksikan pen penanda, buku teks dan papan putih di bilik darjah dilihat memberi kegagalan untuk pengajaran yang berkesan kepada murid-murid (Junaidah Jamaluddin, Norlailan Mohd Din, Mohamad Azmi Nias Ahmad, Faizan Abdul Jabar, Nur Syazwani Mohamad Fadzillah dan Zuhariah Husin, 2016).

Selain itu, terdapat guru yang gemar menjadikan teknik hafalan semata-mata hingga menimbulkan perasaan bosan dalam kalangan murid untuk belajar tanpa guru tersebut mahu mencuba pelbagai pendekatan yang dapat memotivasi murid untuk belajar (Mohd Paris Salleh, 2016). Teknik hafalan hanya berkesan dalam ingatan manusia untuk jangka masa yang pendek dan perkara ini menyebabkan murid mudah lupa tentang perkara yang telah dipelajari pada masa lalu. Dalam kajian Owing Ji Seng (2020), terdapat pula guru yang tidak mahu melaksanakan pendekatan inovasi yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kerana beranggapan perkara ini menyebabkan pertambahan beban tugas serta mengambil masa yang lama untuk mempelajari pendekatan pengajaran baru yang bakal dilaksanakan di bilik darjah.

Pendekatan pengajaran yang berinovasi dan kreatif sangat penting dalam memastikan keberkesanannya kandungan pengajaran difahami oleh murid termasuklah topik berkaitan simpulan bahasa. Simpulan bahasa merupakan salah satu bidang ilmu yang tercakup dalam peribahasa Melayu. Kajian oleh Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh (2017) mendapati penguasaan murid sekolah kebangsaan terhadap pengetahuan, pemahaman dan penggunaan peribahasa dalam kemahiran lisan dan kemahiran menulis berada pada tahap yang sederhana, tetapi masih boleh diperbaiki serta dipulihkan jika menggunakan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian berpandukan tahap penguasaan murid. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa guru perlu kreatif dan inovatif dalam mengamalkan pendekatan pengajaran untuk mengajar elemen kebahasaan kepada murid dengan tidak bergantung kepada kaedah pengajaran secara konvensional, bagi membolehkan murid dapat menguasai elemen bahasa dengan baik termasuklah simpulan bahasa.

Penguasaan peribahasa dalam kalangan murid bermula daripada tindakan guru melalui perancangan dan pelaksanaan pengajaran yang teliti dan menarik di bilik darjah. Menurut Mohd Ridzuan Md Nasir (2018), pengajaran dan pembelajaran peribahasa akan menjadi lebih mudah dikuasai dan difahami apabila murid melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Namun begitu, penggunaan kaedah konvensional seperti mengajar peribahasa dari sudut makna sahaja kurang membantu membina pengetahuan murid secara lebih mendalam dan menyeluruh (Mohd Ridzuan Md Nasir dan Mary Fatimah Subet, 2019). Dalam erti kata lain, belajar untuk tujuan hafalan sahaja tidak membantu murid memahami makna peribahasa termasuklah simpulan bahasa secara efektif dan menyeluruh. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran berdasarkan kaedah hafalan tidak bertahan lama kerana lama-kelamaan perkara yang dihafal akan dilupakan setelah menginjak usia. Berbanding dengan pendekatan yang bersifat latihan amali, pengalaman pembelajaran yang dijalankan secara praktikal di dalam kelas dapat membantu murid memahami dengan lebih jelas kerana murid mengalami sendiri proses pembelajaran secara nyata berbanding hanya menghafal kandungan yang terdapat di dalam buku teks.

Bersandarkan kajian yang dinyatakan berserta masalah yang diuraikan oleh pengkaji terdahulu, maka kajian terhadap pendekatan didik hibur yang digunakan guru untuk meningkatkan penguasaan peribahasa khususnya simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah wajar dilaksanakan. Hal ini penting untuk mengisi kelompong dan kekurangan tertentu dalam kajian simpulan bahasa murid sekolah rendah, di samping mempelbagaikan kajian tentang pendekatan didik hibur. Bertitik tolak daripada keadaan ini, maka kajian tentang pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa sekolah rendah wajar diketengahkan. Hal ini penting supaya dapatkan kajian dapat dimanfaatkan oleh guru mata pelajaran Bahasa Melayu untuk tujuan penambahbaikan bagi pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa itu sendiri.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut, iaitu:

- i. Menjelaskan cabaran pelaksanaan didik hibur oleh guru bagi pengajaran simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah.

### 4.0 KAJIAN LITERATUR

Kini, terdapat banyak kajian yang dilaksanakan berkaitan pendekatan didik hibur. Antara kajian tersebut adalah seperti yang dilakukan oleh Nik Nur Azizah Nik Hilman, Hafis Simin, Ramle Abdullah dan Sahar Sa'di Hashim (2020) dengan tajuk “Penggunaan Pendekatan Didik Hibur dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Harian di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Terengganu.” Objektif kajian adalah untuk melihat pendekatan didik hibur yang berlaku dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah murid Orang Asli. Hasil kajian mendapati didik hibur secara nyanyian dan permainan sering diaplikasikan guru untuk mengajar murid Orang Asli. Dua aktiviti didik hibur ini berjaya menjadi pendorong kepada murid Orang Asli untuk kekal fokus kepada pengajaran guru dengan lebih lama di bilik darjah. Selain itu, aktiviti didik hibur permainan dan nyanyian berupaya menimbulkan motivasi terhadap diri murid Orang Asli untuk lebih cenderung melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, aktiviti didik hibur secara bercerita, lakonan dan puisi tidak dapat dilaksanakan kerana tahap pemahaman murid Orang Asli adalah rendah di sekolah tersebut.

Seterusnya, Patricia Andai Robin, Mahizer Hamzah dan Mandeling Pandang (2020) telah menjalankan kajian yang bertajuk “Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu Kanak-Kanak Iban Melalui *Lagu Didi & Friends*.” Kajian ini bertujuan menentukan penguasaan kanak-kanak terhadap bahasa Melayu. Dapatkan kajian menunjukkan lagu popular dalam siri *Didi & Friends* membantu murid untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu. Responden kajian dilihat berubah sikap, iaitu berjaya mengatasi rasa malu untuk berbual bersama guru dan rakan-rakan di samping belajar menuturkan lebih banyak kosa kata setelah mendengar dan menyanyikan lagu-lagu *Didi & Friends*. Penggunaan lagu turut membantu perkembangan emosi apabila kanak-kanak yang terlibat sentiasa mempamerkan wajah yang ceria untuk menyanyi dan berkomunikasi. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti nyanyian merupakan salah satu kaedah pengajaran yang bukan sahaja menghiburkan, malah dapat memberikan banyak manfaat kepada murid dan guru termasuklah dari segi penguasaan isi kandungan, berupaya membentuk komunikasi dua hala, dapat mengaplikasikan kepelbagaiannya kaedah pengajaran yang kreatif dan sebagainya. Namun, kajian yang dilakukan bertumpu kepada kaedah nyanyian sahaja sebagai salah satu elemen dalam didik hibur. Maka, kajian ini pula akan melihat penerapan kepelbagaiannya elemen didik hibur lain yang dilaksanakan oleh guru khususnya dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Seterusnya, Siti Rohana Salleh (2021) telah menjalankan kajian yang bertajuk “Pembangunan Modul My KAPS Berasaskan Nyanyian secara Didik Hibur bagi Penerapan Kemahiran Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah.” Dapatkan kajian menyatakan aktiviti nyanyian membantu kanak-kanak Prasekolah mengurus emosi serta membina kemahiran bersosial. Aktiviti nyanyian turut membantu guru memperkenalkan peraturan baru, penerapan nilai murni, sebagai amalan rutin bilik darjah, serta

merancang pengajaran dan pentaksiran untuk tunjang keterampilan diri. Kajian Siti Rohana Salleh (2021) ini jelas menunjukkan didik hibur jenis nyanyian memberi manfaat kepada kemahiran psikologi dan sosial kanak-kanak. Namun, kajian ini lebih berfokus kepada teknik nyanyian dan bertumpu kepada murid Prasekolah sahaja. Melihat kepada keberkesanan pendekatan didik hibur, maka kajian tentang pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa akan dilakukan untuk menganalisis keberkesanan pendekatan tersebut dalam pengajaran simpulan bahasa bagi murid sekolah rendah khususnya murid-murid Tahun 5.

Selain itu, Muhammad Khairul Anam Ishak dan Wan Ruzana Wan Mohammad (2021) telah menjalankan kajian yang bertajuk “Asimilasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Simpulan Bahasa.” Kajian ini bertujuan mengenal pasti kewujudan asimilasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa di sekolah rendah. Sebanyak 19 simpulan bahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Melayu sekolah rendah tahap satu telah dijadikan sebagai bahan kajian untuk melengkapkan objektif kajian. Hasil kajian mendapati 19 simpulan bahasa boleh dikaitkan dengan elemen nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan meliputi enam nilai, iaitu kerajinan, kasih sayang, berdikari, hormat-menghormati, kesederhanaan dan kesyukuran. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak melibatkan sebarang pemilihan pendekatan untuk mengajar simpulan bahasa kepada murid-murid sekolah. Sebaliknya, kajian ini hanya menumpukan kepada hubung kait makna tersirat simpulan bahasa dalam buku teks dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Seterusnya, kajian Simah Mamat, Intan Marfarrina Omar dan Nor Asiah Ismail (2021) bertajuk “Pendekatan Integrasi Makna Simpulan Bahasa Berdasarkan Pemikiran Orang Melayu.” Kajian ini bertujuan meneroka penjanaan makna simpulan bahasa berteraskan “kepala” dan meneliti keintelektualan pemikiran Melayu dalam simpulan bahasa. Hasil kajian mendapati penghasilan simpulan bahasa yang berteraskan pemikiran orang Melayu sesuai diterapkan dalam pendidikan khususnya generasi moden. Proses integrasi konseptual melalui pendekatan integrasi memperlihatkan tertibnya proses membentuk makna simpulan bahasa. Terdapat empat proses ruang pemikiran manusia yang menggambarkan bahawa orang Melayu sangat berhati-hati dalam memilih konsep atau elemen bagi membentuk simpulan bahasa. Oleh itu, simpulan bahasa merupakan metafora yang melambangkan identiti dan kebijaksanaan orang Melayu. Berdasarkan kepentingan tersebut, maka kajian ini wajar dilakukan untuk mengetengahkan dan menekankan kewajaran aspek simpulan bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu, sekali gus diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

## 5.0 METODOLOGI


Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang menerapkan kaedah kualitatif dalam menganalisis data. Kajian kes merupakan kajian intensif terhadap unit-unit kecil sosial bagi mengkaji fenomena secara mengkhusus melalui kutipan data seperti pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen (Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi dan Muhammad Azhar Zailani, 2016). Sejajar dengan pandangan tersebut, maka kajian ini hanya menfokuskan kes atau fenomena yang berlaku di bilik darjah, iaitu pendekatan didik hibur yang diaplikasikan guru untuk mengajar simpulan bahasa bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah, kelas dan guru terpilih sahaja.

Seterusnya, kajian kualitatif digunakan untuk menganalisis data. Reka bentuk kajian kualitatif merupakan kaedah saintifik bagi mengumpul data yang bukan berbentuk nombor, sebaliknya menumpukan kepada pemerolehan maklumat yang berkualiti walaupun jumlah sampel adalah kecil. Sejajar dengan itu, maka kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk menjelaskan cabaran pelaksanaan didik hibur oleh guru bagi pengajaran simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah secara deskriptif tanpa melibatkan data numerikal.

Kaedah temu bual separa struktur telah dipilih untuk mendapatkan data bagi kajian ini dan kaedah tersebut dijalankan setelah guru selesai menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran. Masa yang dipertimbangkan untuk menjalankan sesi temu bual adalah pada waktu rehat atau setelah sesi persekolahan tamat. Kesesuaian pemilihan waktu temu bual bergantung kepada responden dengan mengambil kira faktor emosi dan situasi yang dialaminya. Ketika sesi temu bual dilaksanakan, jawapan yang diberikan oleh responden dicatat dan audio sesi temu bual telah dirakam bagi memudahkan proses analisis data dengan mendengar jawapan responden dilakukan berulang kali.

Kaedah temu bual separa struktur dilakukan dengan mengemukakan soalan yang dibina berdasarkan tema cabaran dan subtema seperti pengetahuan, latihan, sikap, masa, bahan bantu mengajar dan murid. Soalan menggunakan subtema dibina untuk memudahkan penyelidik menganalisis data memandangkan semua data yang diperoleh hasil daripada temu bual sudah dikategorikan kepada subtema sejak awal lagi. Perkara ini menjadikan data yang pelbagai dan berbilang dapat dilihat dengan jelas, tersusun dan mudah difahami.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soalan temu bual separa struktur. Pembinaan soalan temu bual separa struktur adalah berdasarkan tema cabaran yang dihadapi guru ketika melaksanakan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa murid Tahun 5.



**Rajah 1** Tema dan Subtema yang Dijadikan Panduan Soalan Temu Bual

Berdasarkan Rajah 1, setiap subtema mengandungi tiga soalan bagi mendapatkan penjelasan tentang cabaran yang dihadapi ketika melaksanakan pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa bagi sekolah rendah. Setiap soalan dibina telah mengambil kira isu sensitif, etika dan perundangan untuk mengelakkan sebarang isu dan pertikaian sehingga membawa kepada halangan memperoleh data kajian yang sahih.

Responden kajian dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan digunakan dalam melaksanakan kajian dengan cara memilih seorang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu bagi murid Tahun 5. Responden kajian dipilih berdasarkan persetujuan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan Pentadbiran. Guru yang dipilih berbangsa Melayu, berpengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu selama 30 tahun dan mempunyai latar pengajian akademik tertinggi di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Penguasaan pedagogi yang mantap dan pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dalam tempoh yang lama telah melayakkan guru ini dipilih sebagai responden kajian. Responden juga turut dianugerahkan Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kerana kualiti perkhidmatan yang diberikan memuaskan dan menepati syarat sebagai penerima anugerah tersebut.

Lokasi kajian yang dipilih ialah Sekolah Kebangsaan Puncak Alam, Selangor Darul Ehsan. Sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana penyelidik pernah berkhidmat di sekolah tersebut dan memperolehi kemudahan akses dan kenalan yang dapat membantu dalam penyelidikan. Malahan juga, sekolah tersebut mempunyai kemudahan fasiliti yang baik terutama dari segi jaringan internet berkelajuan tinggi yang sudah pasti akan memudahkan aktiviti didik hibur dilaksanakan sepanjang kajian dijalankan. Selain itu, kesediaan, kerjasama dan persetujuan oleh pihak pentadbir menerima kehadiran penyelidik untuk melaksanakan kajian di sekolah turut menjadi kayu ukur pemilihan sekolah ini sebagai lokasi kajian.

## **6.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Bahagian ini akan menghuraikan cabaran pelaksanaan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah. Berdasarkan temu bual bersama responden, terdapat empat cabaran yang telah dikenal pasti dalam melaksanakan kaedah ini, iaitu (i) cabaran dari aspek latihan profesional, (ii) cabaran dari aspek masa, (iii) cabaran dari aspek bahan bantu mengajar, dan (iv) cabaran dari aspek murid. Setiap cabaran akan dijelaskan satu persatu berdasarkan data temu bual yang diperoleh daripada responden.

### **Cabaran Pelaksanaan Didik Hibur untuk Pengajaran Simpulan Terhadap Murid Sekolah Rendah**

Berdasarkan temu bual bersama responden, terdapat empat cabaran pelaksanaan pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa, iaitu aspek latihan profesional, masa, bahan mengajar. Setiap cabaran akan dijelaskan satu persatu bagi memudahkan pemahaman terhadap isu yang dibincangkan.

#### **A. Cabaran dari Aspek Latihan Profesional**

Latihan profesional kepada guru dianggap sebagai satu bentuk bantuan untuk meningkatkan kemahiran pedagogi dan cara kerja dalam perkhidmatan pendidikan bagi tujuan menyampaikan isi pelajaran dengan cara yang berkesan kepada murid-murid. Latihan profesional penting untuk guru kerana latihan profesional membantu guru melahirkan murid yang menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan, selain dapat meningkatkan kemahiran perguruan dalam kalangan guru itu sendiri. Latihan profesional yang dimaksudkan ialah meliputi bengkel, seminar dan kursus yang dianjurkan secara formal untuk mengajar

simpulan bahasa melalui pendekatan didik hibur. Berikut adalah contoh soalan berkaitan penerimaan latihan profesional oleh guru:

**Jadual 1** Contoh Soalan berkaitan Latihan Profesional

No. Soalan	Pernyataan
1	Adakah cikgu pernah menghadiri kursus/bengkel/seminar berkaitan pengajaran menggunakan pendekatan didik hibur?
4	Adakah cikgu pernah menghadiri kursus/bengkel/seminar berkaitan pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa secara khusus?
6	Adakah cikgu pernah diberi bimbingan secara formal untuk menulis rancangan pengajaran harian yang mengandungi didik hibur terutamanya topik simpulan bahasa oleh pentadbir sekolah/PPD/JPN/KPM? Jelaskan.
9	Adakah pihak pentadbir sekolah ada menganjurkan kursus/bengkel/seminar berkaitan pengajaran menggunakan pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa? Jika ada jelaskan.
12	Apakah kekurangan yang cikgu alami dari sudut latihan profesional tentang pengajaran di bilik darjah menggunakan pendekatan didik hibur? Contohnya tiada bimbingan secara profesional. Jelaskan.

Jadual 1 menunjukkan sebahagian soalan yang terdapat dalam borang temu bual (5 daripada 12 soalan) tentang penerimaan latihan secara profesional berkaitan didik hibur bagi pengajaran simpulan bahasa. Latihan profesional kepada guru dianggap sebagai satu bantuan untuk meningkatkan kemahiran pedagogi dan cara kerja dalam perkhidmatan pendidikan. Hal ini bertujuan membantu guru menyampaikan pengajaran dengan mudah dan berkesan kepada murid. Perkara ini bertujuan melahirkan murid yang menguasai pelbagai cabang ilmu pengetahuan yang akan dibawa dalam kehidupan mendatang. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, responden menyatakan hanya pernah sekali menghadiri bengkel tentang pendekatan didik hibur sejak diperkenalkan melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada tahun 2011. Kursus berkenaan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa secara formal pula tidak pernah dihadiri kerana tidak pernah dianjurkan oleh institusi beliau bertugas seperti yang dinyatakan dalam temu bual berikut:

Petikan 1:

*“Arr.....bengkel.....pernah sekali dan penganjurnya adalah PPD untuk didik hibur. Tahun masa tu 2011. Tapi untuk didik hibur formal untuk mengajar simpulan bahasa memang tak pernah.”*

(Temu bual pada minit 07:06)

Selain itu, responden juga menyatakan tiada perkongsian secara formal hasil dapatan yang diperoleh sesudah menghadiri bengkel didik hibur diberikan kepada rakan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Sebaliknya, dapatan itu hanya dikongsi secara tidak formal melalui perbualan sesama rakan guru.

Petikan 2:

*“Arrr.....sebenarnya untuk berkongsi secara formal itu tidak tetapi berkongsi secara tidak formal secara perbualan....ada.”*

(Temu bual pada minit 09:02)

Seterusnya, responden menyatakan tiada latihan dalam perkhidmatan (LADAP) di peringkat sekolah atau jabatan berkaitan pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa dilaksanakan secara khusus. Sebaliknya, hanya perkongsian asas tentang pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam mesyuarat panitia sekolah secara ringkas antara rakan sejawatan yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Responden turut memaklumkan tentang kesukaran melaksanakan pendekatan didik hibur dengan baik kerana kekurangan panduan serta bimbingan daripada pihak yang berkaitan untuk mengajar topik simpulan bahasa.

Petikan 3:

*“LADAP khas untuk didik hibur aarr.....tidak ada. Didik hibur untuk simpulan bahasa pun takda. Cuma secara tidak langsung dalam aktiviti atau pun mesyuarat panitia bahasa Melayu di sekolah saya. Susah juga bila tiada.”*

(Temu bual pada minit 10:06)

Berdasarkan jawapan responden, ketiadaan latihan profesional secara khusus tentang pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa sekolah rendah telah menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan pendekatan tersebut dengan lebih baik di bilik darjah. Oleh yang demikian, responden mengharapkan akan ada penganjuran berkaitan latihan profesional seperti kursus, bengkel, atau seminar berkaitan pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya topik simpulan bahasa daripada pihak yang arif dan mahir tentang pendekatan ini.

Petikan 4:

*“Baiklah.....erm.....memanglah tiada latihan profesional tentang pengajaran menggunakan pendekatan didik hibur lagi – lagi simpulan bahasa. Jadi saya rasa pihak sekolah perlu membuat penganjuran menganjurkan kursus atau pun latihan profesional tentang didik hibur ini di sekolah.”*

(Temu bual pada minit 13:32)

Berdasarkan jawapan yang dinyatakan responden tentang cabaran dihadapi dari aspek latihan profesional merupakan cabaran utama kepada dirinya dalam melaksanakan pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa di bilik darjah. Hal ini kerana beliau tidak pernah menghadiri sebarang latihan profesional tentang pengajaran menggunakan pendekatan didik hibur untuk topik simpulan bahasa. Justeru, menjadi tanggungjawab pihak sekolah untuk menganjurkan latihan profesional seperti bengkel, kursus atau seminar tentang pendekatan didik hibur bagi memastikan guru Bahasa Melayu khususnya mahir mengaplikasikan pendekatan tersebut dalam pengajaran.

Tanpa latihan profesional, amalan pengajaran yang berkualiti oleh guru akan terjejas, sekali gus memberikan kesan terhadap prestasi akademik murid-murid. Pada masa yang sama, guru di sekolah juga perlu peka dalam mengenal pasti jenis program pembangunan profesionalisme yang diperlukan untuk membantu mereka menyiapkan diri dalam menghadapi cabaran dalam dunia pendidikan masa kini. Jelaslah bahawa, tanpa siri latihan profesional, amalan pengajaran yang berkualiti oleh guru berupaya menjelaskan kaedah pengajaran guru itu sendiri, sekali gus akan menjelaskan prestasi akademik muridnya.

## B. Cabaran dari Aspek Masa

Guru perlu bijak mengurus masa untuk mengimbangi semua tugas yang perlu dilakukan. Persediaan yang rapi sebelum pendekatan didik hibur dilakukan, wajar diambil kira. Kesuntukkan masa merancang, menyedia dan mengelola aktiviti pendekatan didik hibur akan dapat ditangani jika guru bersedia lebih awal tentang kandungan yang ingin diajarkan kepada murid. Berikut adalah contoh soalan berkaitan cabaran pelaksanaan didik hibur dari aspek masa oleh guru:

**Jadual 2** Contoh Soalan berkaitan Cabaran dari Aspek Masa

No. Soalan	Pernyataan
1	Adakah masa selama 1 jam yang diperlukan untuk subjek Nahasa Melayu mencukupi untuk cikgu mengajar simpulan bahasa menggunakan didik hibur? Nyatakan situasi dan mengapa.
4	Berapa lama tempoh masa diambil untuk menyiapkan BBM untuk mengajar simpulan bahasa secara didik hibur?
6	Adakah jadual waktu cikgu terlalu padat pada setiap hari hingga mengganggu persediaan pengajaran menggunakan didik hibur?

Jadual 2 menunjukkan sebahagian soalan yang terdapat dalam borang temu bual (4 daripada 6 soalan) yang berkaitan dengan masalah pengajaran berasaskan didik hibur dari segi masa. Masa merupakan musuh utama setiap manusia dalam kehidupan seharian. Dari aspek cabaran masa, responden menyatakan kesuntukkan masa untuk menggunakan peranti teknologi maklumat, iaitu *Liquid Crystal Display* (LCD) atau dalam bahasa Melayu dikenali sebagai projektor yang berupaya menghasilkan paparan video, gambar dan sebagainya. Responden menyatakan bahawa masa untuk meminjam alatan tersebut adalah terhad selain prosedur proses peminjamannya yang kadang kala rumit dan kurang produktif seperti yang dijelaskan dalam petikan berikut:

Petikan 5:

*“Masa tu terhad untuk pergi pinjam LCD. Kelas banyak dekat-dekat masa. LCD pulak disimpan di tempat lain. Bukan bilik guru.”*

(Temu bual pada minit 16:05)

Seterusnya, responden menyatakan bahawa jadual harian mengajar pada setiap hari adalah padat apatah lagi jika perlu menggantikan guru yang tiada di sekolah atas urusan rasmi. Selang masa mengajar antara satu kelas dengan kelas yang lain adalah singkat hingga mengganggu persediaannya untuk mengaplikasikan pengajaran menggunakan pendekatan didik hibur seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

Petikan 6:

*“Ya, sangat padat setiap hari hingga mengganggu persediaan pengajaran menggunakan didik hibur. Jadi tak bolehlah setiap hari nak buat didik hibur. Dalam satu minggu ada beberapa sajalah ada didik hibur.”*

(Temu bual pada minit 17:41)

Selain itu, responden juga menyatakan bahawa mereka tidak dapat menggunakan kemudahan makmal ICT di sekolah kerana persiapan penggunaan kemudahan tersebut akan melewatkkan proses pengajaran di bilik darjah seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

Petikan 7:

*“Ini kerana kemudahan itu tidak dapat digunakan secara cepat. Kita perlu ambil masa untuk gunakannya. Kena buka makmal tersebut. Lebih mudah di kelas dan murid tidak perlu bergerak ke mana – mana.”*

(Temu bual pada minit 19:08)

Berdasarkan perbincangan, jelaslah bahawa jadual harian yang padat, kerencaman proses peminjaman alat pengajaran dan penggunaan makmal ICT untuk melaksanakan didik hibur di sekolah telah menyukarkan responden melaksanakan pendekatan didik hibur akibatkekangan masa. Menurut Norliza Jamaluddin (2019), sebelum melaksanakan pengajaran, guru perlu merancang sebuah pengajaran dengan rapi supaya perancangan yang disediakan ini mampu membantu guru untuk mengajar dan mempunyai maklumat yang mencukupi untuk diberikan kepada murid.

### C. Cabaran dari Aspek Bahan Bantu Mengajar

Pada abad ke-21 ini, penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan teknologi maklumat dan komunikasi amat digalakkan kepada guru sebagai pemudah cara dalam menyampaikan kandungan pengajaran kepada murid. Namun, terdapat cabaran dalam menyediakan bahan bantu mengajar ini. Untuk keterangan lanjut, berikut adalah contoh soalan kepada guru berkaitan cabaran pengajaran didik hibur dari aspek bahan bantu mengajar.

**Jadual 3** Contoh Soalan berkaitan Cabaran dari Aspek Bahan Bantu Mengajar

No. Soalan	Pernyataan
1	Adakah cikgu membina dan menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) berkaitan pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa? Apakah bentuk BBM tersebut? Jelaskan.
4	Adakah cikgu mengalami tekanan ketika membina dan menyediakan BBM? Jelaskan mengapa ia berlaku.
5	Adakah cikgu menggunakan kemudahan makmal ICT sekolah untuk melaksanakan pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa?
6	Adakah cikgu pernah menghasilkan slaid perisian Power Point untuk mengajar satu atau lebih mana – mana tema dalam buku teks Bahasa Melayu secara didik hibur? Jika ada jelaskan.
7	Adakah cikgu menggunakan laman web yang boleh menghasilkan aplikasi kuiz secara atas talian seperti <i>Kahoot</i> , <i>Quizizz</i> , <i>Padlet</i> , <i>Plickers</i> untuk mengajar simpulan bahasa? Berikan alasan jika tidak adalah jawapan.

Jadual 3 menunjukkan sebahagian soalan yang terdapat dalam borang temu bual (5 daripada 14 soalan) yang berkaitan dengan cabaran pelaksanaan didik hibur dari segi binaan bahan bantu mengajar. Pendekatan didik hibur boleh dilaksanakan dengan lebih menarik jika gandingan pelbagai bahan bantu mengajar seperti komputer, projektor, alat pembesar suara, rakaman muzik, paparan nota yang

mengandungi video atau animasi atau menggunakan bahan asas seperti buku dan pensel warna. Responden memaklumkan dirinya mengalami kesukaran menggunakan projektor atau LCD untuk menjalankan aktiviti didik hibur kerana penggunaan projektor memerlukannya menyediakan nota sendiri untuk dipaparkan kepada murid seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

Petikan 8:

*“Kalau bahan maujud saya biasa guna kertas mahjung atau pun kad manila sebab kalau nak guna LCD tu agak .....susah.....Kene buat video lagi pulak.”*

(Temu bual pada minit 20:41)

Responden juga secara jujur mengatakan bahawa dirinya mengalami tekanan perasaan apabila terdapat banyak perkara lain yang hendak diselesaikan sedangkan pada masa yang sama beliau perlu menyediakan bahan bantu mengajar berkaitan didik hibur. Tekanan yang dihadapi membuatkan responden lebih selesa memilih menghasilkan bahan bantu mengajar yang mudah tanpa melibatkan penggunaan peralatan seperti komputer dan projektor:

Petikan 9:

*“Arrr...kadang-kadang kalau ada banyak lagi perkara nak diselesaikan disitulah ada sedikit tekanan perasaan.”*

(Temu bual pada minit 22:02)

Penguasaan kemahiran teknologi maklumat yang kurang mahir oleh responden turut menyukarkannya menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan bahan teknologi secara dalam talian seperti aplikasi *Padlet*, *Kahoot*, *Quizizz*, *Plickers* dan sebagainya untuk mengajar simpulan bahasa. Hakikatnya, pengajaran secara dalam talian merupakan sebahagian daripada pendekatan didik hibur yang boleh dilaksanakan kepada murid. Hal ini demikian kerana beliau menyatakan tidak mempunyai kemahiran untuk menggunakan aplikasi tersebut seperti yang dijelaskan dalam petikan berikut:

Petikan 10:

*“Setakat ini tidak pernah guna aplikasi atas talian seperti Kahoot semua tu sebab saya kurang mahir penggunaan perkara-perkara seperti ini. Jadi saya mengambil keputusan tidak menggunakanannya.”*

(Temu bual pada minit 23:28)

Secara keseluruhannya, berdasarkan jawapan temu bual yang dinyatakan oleh responden, dapat dirumuskan bahawa responden mempunyai masalah untuk menghasilkan dan menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan peralatan dan kemahiran teknologi maklumat. Walau bagaimanapun, penghasilan bahan bantu mengajar berdasarkan bahan maujud seperti kertas sebak, pensel warna dan pen penanda telah dijadikan alat bantu mengajar di bilik darjah untuk mengerakkan aktiviti berasaskan pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa. Kini, persekitaran sekolah sebenarnya sudah terdedah dan berada dalam ambang pendidikan abad ke-21. Oleh yang demikian, penggunaan alat dan bahan

berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi amat digalakkan kepada guru sebagai pemudah cara penyampaian isi pelajaran kepada murid.

#### D. Cabaran dari Aspek Murid

Pendekatan didik hibur melibatkan aktiviti seperti nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi pasti disukai oleh kanak-kanak khususnya murid-murid sekolah rendah kerana mereka selain belajar, mereka juga dapat menjalani sesi PdP yang kreatif, inovatif, bahkan interaktif dengan pelbagai aktiviti yang diketengahkan oleh guru. Namun, pada masa yang sama murid juga merupakan antara salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh guru ketika melaksanakan pengajaran simpulan bahasa secara didik hibur. Berikut adalah contoh soalan berkaitan cabaran pelaksanaan didik hibur dari aspek murid.

**Jadual 4** Contoh Soalan berkaitan Cabaran dari aspek Murid

No. Soalan	Pernyataan
1	Adakah cikgu sukar mengawal kelas ketika pelaksanaan pengajaran berasaskan pendekatan didik hibur? Contoh bising, jelaskan.
4	Wujudkah murid yang mendominasi aktiviti didik hibur ketika pengajaran simpulan bahasa secara didik hibur dijalankan?
5	Bagaimana cikgu mengatasi masalah murid yang mendominasi aktiviti didik hibur di bilik darjah?
7	Bagaimana reaksi murid seperti riak muka dan pergerakan anggota badan apabila aktiviti didik hibur dilaksanakan di bilik darjah?
8	Adakah murid berjaya menyelesaikan aktiviti yang diarahkan oleh cikgu ketika aktiviti didik hibur dilaksanakan di bilik darjah?

Jadual 4 menunjukkan sebahagian soalan yang terdapat dalam borang temu bual (5 daripada 10 soalan) yang berkaitan dengan cabaran pelaksanaan didik hibur dari aspek murid. Cabaran dimulai dengan aspek kawalan kelas. Beberapa tingkah laku yang hadir daripada sikap dan kelakuan murid menjadi faktor gangguan kepada pelaksanaan pendekatan didik hibur dengan jaya. Responden menyatakan aktiviti nyanyian dan lakonan sering menyebabkan murid berebut mahu melaksanakannya. Aktiviti ini menimbulkan suasana riuh dan bising kerana murid bersaing untuk mencuba berdasarkan arahan yang diberi. Oleh itu, responden menggunakan ketegasannya untuk mengawal tingkah laku murid supaya melaksanakan aktiviti yang diarahkan secara bergilir-gilir dan berhemah. Hal ini turut bertujuan mengelakkan sebarang masalah tingkah laku negatif murid yang diklasifikasikan sebagai masalah disiplin seperti bergaduh atau merosakkan harta benda milik rakan kerana tidak puas hati akibat tidak dapat melaksanakan aktiviti. Penegasan yang diberikan oleh responden berupa nasihat, peringatan atau amaran. Hal ini dilihat bagi menjaga maruah murid agar tidak dimalukan di hadapan rakan sekelas jika penegasan bentuk denda dikenakan akibat tingkah laku negatif yang mereka lakukan.

Petikan 11:

*“Arrrr.....kita.....erm.....kita beri penegasanlah ...macam nasihat, peringatan atau amaran. Murid-murid tidak boleh bising kene ikut giliran. Kita tentukan...tentukan siap-siap siapa yang dulu perlu*

*memainkan peranan. Kita berikan.....kita terus panggil nama murid untuk memainkan peranan tertentu.”*

(Temu bual pada minit 26:18)

Seterusnya, responden mengalami cabaran berkaitan murid yang mendominasi setiap aktiviti pendekatan didik hibur di bilik darjah. Murid-murid ini terdiri daripada murid yang mempunyai daya keyakinan diri yang tinggi serta tidak malu untuk mencuba sesuatu yang diarahkan. Namun, murid sebegini telah mengakibatkan kewujudkan sebahagian murid lain menjadi pasif dan tidak aktif dalam aktiviti pembelajaran kerana menganggap dirinya tidak layak, tidak disukai guru atau malu mencuba. Apabila wujudnya murid yang mendominasi aktiviti, responden akan meminta murid tersebut memberi peluang kepada murid lain untuk sama-sama mencuba dan menonjolkan bakat yang ada.

Petikan 12:

*“Erm....kita beri peluang mereka melibatkan diri kemudian kita tegaskan bahawa kita dah beri peluang dan minta dia beri kerjasama kepada kawan-kawan lain pula.”*

(Temu bual pada minit 27:09)

Selain itu, responden turut menyatakan bahawa perasaan malu oleh murid membuatkan murid tidak mahu berlakon. Apabila timbul situasi begini, responden perlu memainkan peranan melalui usaha memujuk, memberi galakan dan kata-kata motivasi agar murid dapat melakukan aktiviti didik hibur secara lakonan seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut:

Petikan 13:

*“Kalau nyanyian mereka sangat gembira. Kalau puisi pun begitu juga. Tapi kalau lakonan tu kadang-kadang mereka malu. Tapi kita pujuklah. Kita beri motivasi jangan malu sebab ni hanya di dalam kelas”.*

(Temu bual pada minit 28:00)

Selain itu, murid juga dikesan tidak berjaya menyelesaikan aktiviti lakonan dengan baik. Murid perlu dibimbang berkali-kali agar menguasai elemen lakonan seperti menghayati watak dan mengujarkan dialog dengan betul.

Petikan 14:

*“Ada masanya kurang berjaya diselesaikan. Contohnya lakonan mereka kurang berjaya melakonkan watak yang sepatutnya. Kita perlu beri bimbingan. Kalau aktiviti bercerita tidak ramai yang ada bakat bercerita jadi kita perlu sediakan teks cerita itu dahulu.”*

(Temu bual pada minit 29:02)

Cabarannya timbul disebabkan aspek yang nyatakan perlu dielakkan agar pendekatan didik hibur kekal sebagai pilihan guru untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, khususnya topik simpulan

bahasa. Pemilihan pendekatan pengajaran yang sesuai di bilik darjah melahirkan kepuasan kepada semua pihak terutama guru dan murid. Kaedah pengajaran sehalia yang bertumpu kepada guru dan jurang komunikasi yang jauh antara guru dengan murid akan menyebabkan situasi pembelajaran pasif di bilik darjah terjadi.

Kecekapan guru mengawal tingkah laku murid agar tidak menimbulkan suasana negatif terhadap murid lain membolehkan penglibatan secara menyeluruh oleh murid dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Situasi ini akan menghasilkan pembelajaran yang aktif. Penglibatan murid dalam setiap aktiviti yang dirancang mampu meningkatkan tahap interaksi murid dengan guru atau interaksi sesama rakan kerana mereka selesa dan tidak takut berkomunikasi (Ramuna Abdul Raffar dan Mohd Mohktar Tahar, 2022).

Semua cabaran yang timbul ketika pelaksanaan pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa harus diselesaikan supaya sesi pengajaran dapat melahirkan murid yang dapat menguasai kandungan pelajaran yang diajar oleh guru. Guru memainkan peranan penting dalam memupuk budaya pembelajaran yang menarik, selamat dan mesra bilik darjah. Suasana ceria di bilik darjah merujuk kepada amalan pembelajaran menyeronokkan oleh guru. Tanpa guru, proses pengajaran dan pembelajaran juga akan menjadi tidak efektif. Guru merupakan model contoh yang dapat dijadikan suri teladan oleh murid-muridnya. Seorang guru bukan hanya perlu mempunyai penguasaan pedagogi yang mantap, malah memiliki kemahiran pengajaran yang menarik dan kreatif untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid.

## **7.0 KESIMPULAN**

Membina kecekapan guru Bahasa Melayu dalam aspek pengajaran pastinya akan berhadapan dengan cabaran. Terdapat empat cabaran yang menjadi halangan ataukekangan dalam usaha responden kajian menjayakan sesi pengajaran pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa yang dilakukan di bilik darjah. Cabaran tersebut meliputi aspek latihan profesional, masa, bahan bantu mengajar dan murid. Latihan profesional misalnya sangat penting bertujuan memantapkan kemahiran keguruan dari masa ke masa supaya guru dapat sentiasa mengasah kemahiran pengajaran melalui bengkel, seminar dan kursus yang disediakan oleh pihak berkaitan. Tambahan pula, guru sewajarnya perlu mengambil inisiatif menyertai latihan profesional ini kerana guru juga akan dapat menimba ilmu pengetahuan baharu, khususnya dari segi pendekatan pengajaran terkini yang boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah.

Dari segi masa dan bahan bantu mengajar, limitasi terhadap masa dan ditambah pula dengan beban tugas yang lain sememangnya menyukarkan guru menyediakan perancangan pengajaran yang sempurna untuk pengajarannya. Namun, pada dasarnya guru perlu bijak menangani kekangan tersebut sedaya upaya supaya hasil pembelajaran bukan sahaja dapat dicapai, malah dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik di dalam kelas. Hal ini demikian kerana pendekatan didik hibur tidak tertakluk kepada kebergantungan terhadap medium ICT sahaja. Jika guru itu kreatif dan mempunyai daya usaha, maka kaedah didik hibur juga boleh dijalankan secara konvensional tanpa menggunakan ICT, iaitu dengan memanfaatkan bahan yang ada di sekeliling mereka.

Murid pula merupakan audiens utama dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Tanpa murid, suatu proses pengajaran tidak akan sempurna. Pendekatan didik hibur sememangnya bertujuan untuk menyampaikan pengajaran dalam keadaan yang menghiburkan tidak kira sama ada menggunakan medium

ICT, atau bahan bantu konvensional yang maujud atau berbentuk abstrak. Oleh yang demikian, guru perlu bijak mengawal emosi dan penglibatan murid semasa aktiviti didik hibur dilaksanakan termasuklah dalam pengajaran simpulan bahasa. Aspek murid yang perlu ditangani bukan sahaja tertakluk kepada murid yang aktif dan memberikan respons yang sangat baik dalam aktiviti didik hibur, malah guru juga perlu memantau murid yang pasif dan tidak terlibat dalam aktiviti yang dijalankan. Jelas bahawa, semua aspek perlu diambil kira dan ditangani oleh guru dengan baik bagi membolehkan suatu pengajaran itu bukan sahaja bermakna, malah menghiburkan untuk murid, bahkan untuk guru juga.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada UTM MyLinE Administrator yang memberi peluang kepada penulis untuk mengakses portal-portal yang berkaitan dengan skop kajian ini.

## RUJUKAN

- Alis Puteh. (2016). *Profesion keguruan: Peranan etika kerja dalam mendisiplinkan pelajar*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Asiah Ismail, Anida Sarudin, Zulkifli Osman dan Husna Faredza Mohamed Redzwan. (2021). Proses pembentukan makna simpulan bahasa “kepala angin” menggunakan prinsip metafora integrasi. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(2), 86-110.
- Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh. (2017). Penguasaan peribahasa dalam kalangan murid sekolah kebangsaan. *Mahawangsa*, 4(2), 345-360.
- Junaidah Jamaluddin, Norlailan Mohd Din, Mohamad Azmi Nias Ahmad, Faizan Abdul Jabar, Nur Syazwani Mohamad Fadzillah dan Zuhariah Husin. (2016). Keberkesanan kaedah permainan dalam pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan di sekolah menengah, *KONAKA 2016*, 53-57.
- Khor Huan Chin dan Noraini Mohamed Noh. (2016). Keberkesanan penggunaan papan putih interaktif dalam pembelajaran bahasa Malaysia dalam kalangan murid tahun 3. *JPBU Edisi Khas 2016*, 11-17.
- Mohd Paris Salleh. (2016). Model pengajaran M-pembelajaran berdasarkan kaedah inkuiiri mata Sejarah peringkat menengah. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Mohd Ridzuan Md Nasir. (2018). Penguasaan peribahasa dan makna menggunakan PISATUM: Satu kajian tindakan. *Seminar Antarabangsa Pedagogi Kali ke-8 (PedA8)*. Universiti Malaysia Sarawak pada 19 September 2017.
- Mohd Ridzuan Md Nasir dan Mary Fatimah Subet. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Mohd Rosmadi Mohd Salleh dan Hafizhah Zulkifli. (2020). Penggunaan didik hibur dalam pendidikan Islam sekolah kebangsaan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, .4(2), 1-16.
- Muhamad Hafizan Mohd Suhairi dan Anuar Ahmad. (2017). Pengaruh pengetahuan isi kandungan terhadap aplikasi pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru-guru Sejarah. *International Conference on Global Education V: Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity*. 2457-2473.

- Muhammad Khairul Anam Ishak dan Wan Ruzana Wan Mohammad. (2021). Asimilasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Simpulan Bahasa. *Borneo International Journal*. 4(1), 1-11.
- Nik Nur Azizah Nik Hilman, Hafis Simin, Ramle Abdullah dan Sahar Sa'di Hashim. (2020). Penggunaan pendekatan didik hibur dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PDP) harian di sekolah kebangsaan Sungai Berua. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*.
- Norliza Jamaluddin. (2019). Amalan pengajaran bahasa Melayu: Cabaran dan harapan. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu: Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Singapura*. Hal. 12-36. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Owing Ji Seng. (2020). Perbezaan tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran bahasa Melayu sekolah rendah. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Patricia Andai Robin, Mahizer Hamzah dan Mandeling Pandang. (2020). Penguasaan kosa kata bahasa Melayu kanak-kanak Iban melalui lagu Didi & Friends: *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9, 41-51.
- Ramuna Abdul Raffar dan Mohd Mohktar Tahar. (2022). Teraputik dalam didik hibur menarik minat belajar bahasa Melayu murid pendidikan khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 4(3), 95-105.
- Rozita Radhiah Said, Abdul Rasid Jamian dan Azhar Md. Sabil. (2016). Pengetahuan dan kefahaman skop pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan jurulatih pakar pembangunan sekolah (SISC+). *International Journal of Education and Training (InjET)*, 2(2), 1-9.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi dan Muhammad Azhar Zailani (2016). Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Akademika*, 86(2), 31-42.
- Simah Mamat, Intan Marfarrina Omar dan Nor Asiah Ismail. (2021). Pendekatan Integrasi Makna Simpulan Bahasa Berdasarkan Pemikiran Orang Melayu. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 39, 36-50.
- Siti Rohana Salleh. (2021). Pembangunan modul MY KAPS berdasarkan nyanyian secara didik hiburbagi penerapan sosioemosi kanak – kanak prasekolah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah TidakDiterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.